

Rafidah dijangka temui Dr. M

UM - 7/7/2005

KUALA LUMPUR 6 Julai — Datuk Seri Rafidah Aziz dipercayai akan menemui Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi membuat penjelasan lanjut berhubung pertikaian isu pemberian permit import (AP) dan dasar automotif negara.

Sumber memberitahu, pertemuan antara Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat Proton Holdings Bhd. itu penting bagi menamatkan perselisihan berhubung isu tersebut.

Utusan Malaysia difahamkan, Rafidah akan membuat penjelasan itu secara peribadi tanpa membabitkan pihak ketiga terutama pihak media.

Paling penting, kata sumber itu, pertemuan yang akan diadakan segera itu bertujuan mengelakkan berlaku salah tafsir di kalangan rakyat.

Kontroversi berhubung isu itu tercetus apabila Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, mengkritik dasar automotif negara kerana tidak melindungi kereta nasional dalam satu wawancara dengan akhbar berbahasa Cina, *Oriental Daily*, baru-baru ini.

Tengku Mahaleel juga dilaporkan mempersoalkan langkah kerajaan memberikan status kereta nasional kepada Naza, sekali gus menikmati rebat cukai yang sama dinikmati oleh Proton.

Kenyataan Tengku Mahaleel itu kemudian dibidas oleh Rafidah yang menasihatkannya supaya berhenti menyalahkan orang lain jika Proton menghadapi masalah untuk bersaing.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir semalam mempertahankan kritikan yang dibuat oleh Tengku Mahaleel dan menyifatkannya wajar bagi melindungi syarikat pembuat kereta nasional itu daripada terus dikritik.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir juga mempertikaikan ketidakseimbangan dalam pemberian AP kereta pada tahun lalu kerana sebahagian besar daripadanya diberikan kepada syarikat-syarikat tertentu sahaja.

Selain itu, Dr. Mahathir memberitahu, walaupun Proton mengalami kerugian semasa mula-mula memasuki pasaran di United Kingdom tetapi Proton tidak pernah melakukan penipuan pengisytiharan seperti kereta-kereta Korea Selatan di Malaysia.

Katanya, walaupun beliau semasa menjadi Perdana Menteri telah beberapa kali meminta Rafidah memeriksa penipuan perisytiharan harga oleh kereta-kereta Korea Selatan, namun Rafidah tidak mengambil sebarang langkah untuk menyiasatnya.